

MILS tawar penyelesaian pengurusan logistik halal

KUALA LUMPUR 5 April - Sambil menyokong sasaran negara ini untuk menjadi sebuah pusat halal global dan menyedari potensi besar yang bakal dibawa oleh pertumbuhan kukuh industri itu, MISC Integrated Logistics Sdn. Bhd. (MILS) kini menawarkan penyelesaian pengurusan logistik halal bertaraf dunia.

MILS, sebuah anak syarikat MISC Bhd., adalah sebuah penyedia logistik sehati yang menyepadukan kesemua bentuk perkhidmatan logistik, sama ada melalui darat, laut dan udara.

Pusat Logistik Serantau (RLH) canggi

Sokongan yang diberikan oleh Forum Halal Dunia menunjukkan komitmen mereka kepada pembangunan industri halal di Malaysia

itu akan ditempatkan di Pulau Indah, Selangor, kata MILS dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Satu pusat khusus rangkaian penyimpanan beku dan sejuk halal akan diwujudkan sebagai tambahan kepada Kemudahan Fa-

sa Satu seluas 24,000 meter persegi yang

diwujudkan di Pulau Indah, Selangor, kata MILS dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Satu pusat khusus rangkaian penyimpanan beku dan sejuk halal akan diwujudkan sebagai tambahan kepada Kemudahan Fa-

sa Satu seluas 24,000 meter persegi yang

memberi manfaat kepada pengeluar barangan halal.

Dengan menyandarkan kepada kepakaran logistik MILS, pengeluar barangan halal tidak sahaja diberi jaminan bahawa produk mereka tidak akan tercemar, mereka akan turut mengoptimalkan keseluruhan rangkaian bekalan MILS.

Kenyataan itu berkata, para pengeluar bakal mendapat faedah daripada penurunan kos operasi, dan pengurangan tempoh masa pendedaran segera produk kepada pengguna.

Pengerusi Forum Halal Dunia, Khairy Jamaluddin ketika melawat MILS berkata:

"Sokongan yang diberikan oleh Forum Halal Dunia menunjukkan komitmen mereka kepada pembangunan industri halal di Malaysia dan mengambil peranan utama dalam logistik halal dalam pasaran halal global."

Khairy berkata, hubungan Malaysia dalam ekonomi global menjadikannya satu destinasi perniagaan yang menarik.

Makanan halal global mencatatkan permintaan AS\$750 bilion dalam tahun 2005.

Forum Halal Dunia anjuran Kaseh Dia Sdn. Bhd. akan diadakan dari 8-10 Mei ini. Ia bakal dihadiri oleh kira-kira 500 orang peserta.

- Bernama